

07/02/2003

`Keputusan PM tepat'

KUALA LUMPUR: DAP menyifatkan keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk menentukan tarikh pilihan raya umum selepas persaraannya Oktober ini, sebagai keputusan bijak.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, berkata keputusan Dr Mahathir itu menunjukkan kesanggupan Perdana Menteri menghormati hak Abdullah untuk menerajui Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang, sekaligus mendapatkan mandat rakyat untuk diri dan dasarnya.

"Ia adalah keputusan yang bijak," katanya dalam kenyataan akhbar sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir dalam wawancara bersama Reuters kelmarin.